

22/11/1997

DAP Sarawak sokong usul percaya PM

KUCHING, Jumaat - Parti Tindakan Demokratik (DAP) Sarawak menyokong penuh usul percaya terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sekaligus mengecam campur tangan Amerika terhadap hal ehwal dalam negara ini.

Pengerusinya, Wong Sing Nang, berkata walaupun DAP sebagai parti pembangkang, mereka tetap memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri berhubung isu campur tangan oleh mana-mana negara Barat terhadap hal ehwal di negara ini.

Sehubungan itu beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Palawan, mengecam draf ketetapan yang dibuat oleh 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang cuba memaksa pucuk pimpinan negara ini ditukar sesuka hati mereka.

"Sama ada Dr Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri atau tidak ia adalah hak rakyat di negara ini untuk menentukannya dan bukannya orang luar.

"Bukan menjadi hak Amerika atau negara-negara Barat lain untuk memutuskan siapa patut menjadi Perdana Menteri Malaysia. Ini kerana Malaysia bukannya Haiti," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap menyokong usul khas berkenaan yang dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak oleh Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, lewat petang semalam.

Wong berkata, semua rakyat Malaysia patut menganggap draf Wexter sebagai bersifat angkuh dan cuba mencabuli hak antarabangsa.

Beliau juga menyifatkan perkataan yang digunakan oleh Kongres Amerika untuk mengecam pemimpin negara ini sebagai 'offensive' dan tidak akan digunakan oleh mereka yang menghargai erti persahabatan dan keamanan.

Menurutnya, walau apapun perbezaan pandangan politik mereka (Amerika) rakyat Malaysia tidak boleh bertolak ansur terhadap sikap angkuh Amerika yang melanggar kelakuan norma antarabangsa yang sepatutnya tidak campurtangan dalam hal ehwal politik dalam negeri di negara lain.

Sementara itu, Lim Kim Shin (BN-Senadin) berkata, percubaan pegawai kerajaan Amerika untuk menyiasat pelaburan Petronas di Iran adalah tidak boleh diterima kerana ia mencabuli hal ehwal dalam negara ini.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP) berkata, Dr Mahathir dipilih secara demokrasi oleh rakyat Malaysia dan tindakan ahli kongres terbabit harus dikecam oleh seluruh rakyat negara ini.

Membahas menyokong usul sama, Awang Tengah Ali Hassan (BN-Lawas) berkata tindakan kongres Amerika mengemukakan usul agar Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan berhubung isu anti-Amerika dan anti Yahudi yang telah disalah tafsir dan dibesar-besarkan oleh mereka, adalah keterlaluan, melampau, tidak wajar serta tidak siuman.

"Kata dua yang terkandung dalam resolusi yang disokong 34 ahli kongres dan telah diedar di kalangan anggota dewan untuk dibincang di kalangan dewan perwakilan itu mempunyai niat tidak baik terhadap pemimpin sebuah negara merdeka dan menafikan hak demokrasi.

"Kita mengutuk sekeras-kerasnya tindakan kongres Amerika itu dan menggesa agar ianya ditarik balik demi menghormati sistem demokrasi antarabangsa serta dasar berbaik-baik Malaysia dengan semua pihak di dunia.

(END)